

PM bidas golongan 'takutkan' pelabur asing

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir membidas golongan yang berusaha menakutkan pelabur asing daripada menanam modal ke sini. Sebaliknya Perdana Menteri memberi jaminan bahawa Malaysia mampu memenuhi hampir semua cita-cita pelabur untuk meraih keuntungan.

Beliau berkata memang ada golongan yang berusaha untuk menakutkan pelabur asing dengan memberi gambaran yang palsu mengenai kedudukan politik dan ekonomi negara ini.

Walaupun golongan ini hanya minoriti saja, gambaran yang mereka beri menunjukkan seolah-olah negara ini adalah satu tempat yang bahaya untuk mengadakan pelaburan kerana rusuhan kaum yang berlaku.

"Perkara itu tidak benar. Kita baru mengadakan pilihanraya umum baru-baru ini tanpa menitikkan setitik darah sekalipun," ka-

Oleh IBRAHIM YAHAYA

tanya selepas berucap di Persidangan Meja Bulat Forum Pengurusan Eropah (EMF) di sini hari ini.

Beliau berkata Malaysia bukanlah sebuah negara 'peminta sedekah' kerana 'kita tidak meminta tanpa memberi sebarang balasan'. Kita mempunyai banyak perkara yang boleh ditawarkan seperti insentif pelaburan dan kemudahan asas.

Majoriti

"Walaupun Malaysia bukan sebuah negara yang sempurna kerana mempunyai kelemahan seperti dihadapi oleh negara lain di dunia, tetapi ia bekerja, berfungsi dan menyediakan kemudahan yang diperlukan oleh pelabur," katanya.

Perdana Menteri juga memberitahu kelemahan ekonomi negara bukan disebabkan oleh masalah perbalahan kaum tetapi adanya kuasa luar yang menurunkan harga komoditi dan mengucur-kacirkan kadar pertukaran negara.

"Kita akan berusaha mengatasi perkara ini. Kita sudah menyusun strategi baru untuk mencapai ke-

dudukan ekonomi seperti yang kita diperolehi dulu.

"Banyak perkara yang membantu rancangan itu seperti kestabilan politik dan kerajaan yang kukuh yang disokong oleh majoriti penduduk negara ini," katanya sambil menerangkan langkah EMF mengadakan mesyuarat di sini menunjukkan mereka mempunyai keyakinan terhadap negara ini.

Tawaran ini lebih baik daripada kebanyakan negara-negara maju yang mempunyai dasar yang lebih teruk daripada negara ini, katanya.

"Sebagai contoh, cuba anda dapatkan permit kerja, lanjutan untuk tinggal, lesen import dan berusaha menghadapi birokrat di negara-negara itu, anda rasa ingin pulang seberapa segera," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga membidas golongan yang suka menyebarkan khabar-khabar angin dan berkata tindakan itu boleh menghancurkan negara.

Antara khabar-khabar angin yang ditimbulkan ialah 'Perdana Menteri akan meletakkan jawatan pada tarikh tertentu' atau 'orang ini dan orang itu mengamalkan rasuah' dan 'ringgit akan diturunkan nilai'.

Bagaimanapun, ujarnya segala khabar-khabar angin itu dibuktikan tidak benar dan golongan itu berbuat demikian kerana ingin menyakitkan hati seseorang.

"Satu topik yang sering ditimbulkan ialah rasuah. Mereka tidak kisah khabar-khabar angin yang tidak mempunyai sebarang bukti boleh mengurangkan minat pelabur asing. Apa yang penting ialah khabar-khabar angin itu boleh menjadi cerita menarik jika seseorang menteri itu rasuah," katanya.

Sambil menerangkan ada perdana menteri dan menteri negara lain yang datang ke negara ini untuk mendapatkan kontrak bagi syarikat persembungan di negara mereka, tetapi mereka tidak dituduh melakukan rasuah.

Dituduh

Sebaliknya, perdana menteri dan menteri negara ini yang hanya mengetuai rombongan perdagangan di luar negeri dituduh melakukan rasuah.

"Ini menyebabkan kami tidak mahu menemui ahli perniagaan dan ini pula dianggap sebagai tidak mahu bekerjasama. Kita dikutuk jika tidak membuatnya tetapi kita juga dikutuk bila membuatnya," katanya.

Perdana Menteri berkata ada juga pihak yang merungut mengenai kurangnya kebebasan akhbar dan menyatakan khabar-khabar angin itu perlu, kerana menurut mereka, surat-khabar hanya menerbitkan propaganda kerajaan.

"Walaupun setengah daripada mereka menimbulkan masalah kaum dan ekonomi tetapi pandangan mereka diterbitkan juga, walaupun mereka berkata tiada kebebasan akhbar di negara ini," katanya.